

# UTHM hantar pakar bina telaga tiub

Misi bantu sekolah terjejas banjir di Gua Musang dapatkan sumber air bersih dari bawah tanah

10/12/2015  
28.5H

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menghantar kumpulan pakar dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), untuk membina 'Tube Well' atau telaga tiub bagi membantu pihak sekolah di sekitar Gua Musang, mendapatkan sumber air bersih bawah tanah untuk kegunaan mereka.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pembinaan telaga di kawasan terlibat diperlukan pada masa ini ekoran sumber bekalan air bersih masih tergendala.

Menurutnya, pasukan FKAAS yang terlibat dalam misi itu menggunakan satu alat khas bagi membantu mengesan struktur tanah di kawasan berhampiran sekolah sebelum menggunakan mesin gerudi untuk mendapatkan bekalan air dari bawah tanah.

Jelasnya, pembinaan telaga tiub di kawasan sekolah adalah salah satu misi bantuan pasca banjir yang digerakkan di bawah Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang beroperasi sejak 25 Disember lalu.

"Fokus misi ketiga bantuan kemanusiaan kali ini ialah melakukan kerja pembersihan di beberapa sekolah di daerah tersebut memandangkan sesi persekolahan bagi 2015 akan bermula beberapa hari sahaja lagi.

"Seramai 100 sukarelawan diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr Hashim Saim, mula melakukan kerja pembersihan kawasan sekolah seperti Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Muhammad Fakhry Petra dan Maahad Muhammadi sejak 6 Januari lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Shafry berkata, pihak UTHM dalam rangka kerjanya akan terus meng-



**Kumpulan pakar dari FKAAS menggunakan alat khas untuk mengesan struktur tanah bagi membina telaga tiub.**

hantar tenaga sukarelawan bagi membantu kerja pembersihan di sekolah dan premis kerajaan sehingga keadaan kembali pulih.

Menurutnya, bagi memudahkan segala urusan, pasukan UTHM

turut membuat persediaan rapi dengan membawa peralatan lengkap termasuk mesin pengepam air untuk menyedut air sungai berhampiran ke kawasan sekolah yang dibersihkan.

Tambahnya, pergerakan konvoi

sukarelawan ke Gua Musang kali ini mendapat kerjasama penuh daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang dan sebahagian barangan keperluan seperti makanan yang dibawa diserahkan kepada pusat pengumpulan IPD berkenaan.

"Sebahagiannya pula diserahkan secara terus kepada mangsa banjir. Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang beroperasi 24 jam sebelum ini telah mula menghantar bantuan kemanusiaan sejak 28 Disember lalu ke Kuala Lipis, Temerloh, dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian.

"Orang ramai sekitar daerah Batu Pahat dialu-alukan untuk menghulurkan sumbangan untuk disalurkan kepada mangsa banjir ini ke Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM dengan menghubungi talian 07-4533442 (24 jam) atau emel opsbanjir@uthm.edu.my," katanya.